

Soalan Lazim: Semakan Bayaran Ansuran Pembiayaan Hartanah-i

Q1: Mengapa saya menerima notis/SMS daripada pihak Bank yang memaklumkan kepada saya bahawa amaun ansuran saya akan disemak semula kepada amaun lebih tinggi mulai 04/08/2022?

A1: Ansuran anda disemak semula berdasarkan gabungan 2 faktor

- i. Perubahan Kadar Rujukan: IBR/IFR pada 17 Mei 2022 (+0.25%) / 12-bulan FDR pada 23 Mei 2022 (+0.20%)
- ii. Perubahan Kadar Rujukan: IBR/IFR pada 12 Julai 2022 (+0.25%) / 12-bulan FDR pada 18 Julai 2022 (0.25%)

Hong Leong Islamic Bank telah melaraskan kadar rujukan seperti berikut:

Kadar Rujukan	17/5/2022	12/07/2022
Kadar Asas Islamik (IBR)	2.88% p.a.	3.13% p.a.
Kadar Pembiayaan Islamik (IFR)	5.89% p.a.	6.14% p.a.

Kadar Rujukan	23/5/2022	18/07/2022
Kadar Deposit Tetap-i 12-bulan (FDR)	1.80% p.a.	2.05% p.a.

Sejajar dengan pelarasan ini, pihak Bank telah menyemak akaun Pembiayaan Hartanah-i anda dan telah membuat semakan pada ansuran anda dengan sewajarnya sehingga pembiayaan penuh diselesaikan dalam baki tempoh pembiayaan.

Q2: Saya mempunyai pembiayaan sedia ada dengan Hong Leong Islamic Bank. Adakah penaikan kadar rujukan akan memberi kesan kepada kadar keuntungan efektif untuk akaun pembiayaan saya?

A2 : Ya. Sekiranya akaun pembiayaan sedia ada anda adalah berdasarkan kadar rujukan, kadar keuntungan efektif akaun anda akan disemak semula pada Mei dan Julai 2022.

Q3 : Saya menyedari bahawa amaun bayaran ansuran saya telah disemak semula. Mengapakah saya tidak menerima surat pemberitahuan daripada pihak Bank untuk memaklumkan tentang semakan semula ansuran ini?

A3: Surat pemberitahuan tentang semakan semula ansuran telah dihantar kepada anda melalui e-mel biasa pada Julai 2022 berdasarkan alamat surat-menjurat yang diberikan oleh anda. Sekiranya anda telah mengubah alamat surat-menjurat anda, anda dinasihatkan untuk mengunjungi cawangan terdekat kami untuk mengemaskini alamat surat-menjurat anda.

Q4: Bagaimanakah penyemakan semula ansuran saya dikira?

A4: Semakan semula ansuran anda dikira berdasarkan :

- i. baki prinsipal tertunggak pembiayaan anda pada 18 Julai 2022
- ii. baki tempoh dan,
- iii. kadar keuntungan efektif semasa pada 18 Julai 2022

Ansuran yang disemak akan dikira berdasarkan formula pelunasan pembiayaan standard.

Soalan Lazim: Semakan Bayaran Ansuran Pembiayaan Hartanah-i

Q5: Saya mempunyai beberapa akaun pembiayaan dengan pihak Bank. Mengapa saya hanya menerima satu surat pemberitahuan daripada pihak Bank? Pada masa yang sama, saya juga telah menerima SMS yang memaklumkan bayaran ansuran saya tidak dilaraskan untuk akaun-akaun saya yang lain.

A5: Sekiranya anda tidak menerima sebarang surat pemberitahuan untuk akaun anda yang lain, ini bermakna akaun anda yang lain telah dikecualikan daripada semakan semula ansuran pada kali ini, maka dengan sebab itu perubahan ansuran tidak diperlukan. Kami telah memakluman kepada anda mengenai bayaran ansuran anda yang tidak dilaraskan.

Q6: Mengapakah bayaran ansuran saya tidak dilaraskan?

A6: Bayaran ansuran anda tidak dilaraskan berdasarkan sebab-sebab berikut:

- 1) Bayaran ansuran anda lebih tinggi atau sama dengan ansuran yang dilaraskan.
- 2) Pertukaran ansuran bulanan anda adalah kurang daripada RM10.00 daripada bayaran ansuran semasa
- 3) Akaun anda telah matang.
- 4) Akaun anda mempunyai bayaran tertunggak.
- 5) Akaun anda di bawah aturan pembayaran khas dengan Bank.
- 6) Baki tempoh akaun anda kurang daripada 12 bulan sehingga matang.
- 7) Prinsipal akaun anda adalah bersamaan dengan RM0.00 atau kurang.
- 8) Akaun anda di bawah aturan dengan AKPK.

Walau bagaimanaun, satu akaun itu boleh mempunyai lebih daripada 1 sebab untuk bayaran ansuran tidak dilaraskan.

Selain itu, sekiranya anda ingin semak semula bayaran ansuran anda, anda dikehendaki mengisi dan menandatangani Borang Permintaan Perkhidmatan (SRF). Anda boleh memilih/menghantar SRF di cawangan terdekat atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.

Q7: IBR dan IFR telah dinaikkan sebanyak 2 kali. Mengapa hanya 1 kali semakan semula ansuran dilakukan?

A7: Untuk peningkatan IBR, IFR pada 17 Mei 2022 dan 12 Julai 2022 dan 12-bulan FDR pada 23 Mei 2022 dan 18 Julai 2022, pihak Bank telah memutuskan untuk menggabungkan kedua-dua semakan tersebut dan menjadi ansuran tunggal yang berkuatkuasa pada 4 Ogos 2022.

Sila rujuk ilustrasi di bawah untuk lebih memahami:-

Baki tertunggak pembiayaan : RM 350,000

Baki tempoh : 20 tahun

	Kadar Keuntungan Efektif	Jumlah Ansuran
Pada 30 Apr 2022	3.35%	RM 1,543
Pada 17 Mei 2022	3.60%	RM 1,592
Pada 12 Jul 2022	3.85%	RM 1,641

Soalan Lazim: Semakan Bayaran Ansuran Pembiayaan Hartanah-i

Q8: Saya ingin membayar jumlah ansuran bulanan yang lebih tinggi daripada jumlah yang disemak semula. Bolehkah saya mengekalkan jumlah ansuran bulanan saya yang lebih tinggi?

A8: Ya. Anda dikehendaki mengisi dan menandatangani Borang Permintaan Perkhidmatan (SRF) untuk mengekalkan jumlah ansuran yang lebih tinggi. Anda boleh memilih/menghantar SRF di cawangan terdekat atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.

Pelanggan juga boleh memohon untuk mengekalkan amaun ansuran yang lebih tinggi dan mengekalkan amaun ini di semakan semula di masa hadapan asalkan amaun yang disemak semula itu adalah lebih kurang daripada amaun yang dipohon ini.

Q9: Jumlah ansuran saya yang disemak semula adalah lebih tinggi daripada jumlah ansuran saya yang lama. Jika saya ingin membayar jumlah ansuran lama. Bolehkah saya memilih untuk mengekalkan jumlah ansuran bulanan saya yang lama/ ansuran bulanan yang rendah?

A9: Ya. Sekiranya anda merasakan kesulitan dalam membuat pembayaran dan ingin mendapatkan bantuan pembayaran, sila hubungi kami sekarang bagi mendapatkan bantuan yang anda perlukan.

Anda boleh menghubungi Bank melalui talian hotline, e-mel atau mengunjungi cawangan kami:

- HLB Customer Collections: 603-79591888 (Isnin-Jumaat, 8.45 pagi-7.00 petang) atau melalui e-mel di CollsCustomerFeedback@hlbb.hongleong.com.my
- HLB Contact Centre: 603-7626 8899 (Isnin-Sabtu 9.00 pagi – 9.00 petang)

TAMAT